

**TEKS UCAPAN**  
**KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN,**  
**NAIB CANSELOR UniMAP**  
**BERSEMPENA DENGAN PERASMIAN PERTANDINGAN AKHIR DEBAT KEMERDEKAAN ALA**  
**PARLIMEN ANTARA IPT MALAYSIA 2007**  
**DI DEWAN KAPITOL**

Bismillah Hirrahman Nirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.

Y.B. Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Kesenian, Kebudayaan Dan Warisan Malaysia

Y. Bhg. Encik Sidek Jamil, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia,

Dif-Dif Kehormat, Pegawai-pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Para peserta pertandingan, Wakil-wakil Media yang Dihormati, Warga kerja dan para pelajar UniMAP yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT yang tidak putus-putus bermurah hati memanjangkan usia, mengurniakan kesempurnaan akal, menganugerahkan kesihatan jasad dan memberikan keupayaan hingga membolehkan kita semua sekali lagi berhimpun dan bertemu dalam majlis pagi ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Y.B. Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Kesenian, Kebudayaan Dan Warisan Malaysia serta barisan tetamu dan dif-dif kehormat yang telah sudi hadir ke majlis ini iaitu Pertandingan Akhir Debat Kemerdekaan Ala Parlimen.

Hadirin yang dihormati sekalian

Pertandingan Debat Kemerdekaan Ala Parliment telah dirancang khas sebagai tanda sokongan kita terhadap usaha-usaha kerajaan untuk menyemarakkan semangat patriotik dan cintakan negara. Di samping itu untuk pertandingan ini diadakan untuk memperkenal dan melahirkan pemidato yang hebat dan bertaraf dunia. Saya percaya menerusi pertandingan yang bakal berlangsung tidak lama lagi, erti sebuah kemerdekaan akan pasti dapat dihayati oleh kita semua.

Izinkan saya membawa hadirin sekalian untuk berfikir sejenak dalam mengimbas erti kemerdekaan. Mungkin di antara kita amat sukar untuk menghayati erti sebenar kemerdekaan kerana sebahagian besar generasi pada hari ini merupakan generasi pasca merdeka atau lahir selepas 31 Ogos 1957. Kerana itu, adalah mustahil untuk memikirkan keperitan serta kepayahan bagaimana kehidupan di zaman penjajahan dahulu dan juga bagaimana kesusahan yang dialami oleh masyarakat terdahulu untuk mendapatkan kemerdekaan tanah air yang tercinta ini.

Sejarah lampau merupakan cermin masa depan kita. Kita belajar daripada apa yang berlaku di masa lampau. Bangsa yang tidak mengetahui sejarah masa lampau tidak akan mampu membangunkan masa depannya. Justeru, kita wajar untuk menghayati sejarah perjuangan kemerdekaan yang dikemudi oleh para pejuang kemerdekaan dahulu agar kita dapat menyumbang untuk mencapai kejayaan di masa hadapan. Kemerdekaan amat besar nilai dan erti. kemerdekaan adalah lambang kebebasan, kedaulatan dan

kejayaan, bukan sahaja kepada negara yang tercinta ini tetapi juga kepada setiap daripada kita, warganegara yang setia dan bernaung di bawahnya.

Saya percaya dengan penganjuran pertandingan ini merupakan kesempatan serta peluang yang harus kita gunakan untuk menghayati makna kemerdekaan, sekaligus membolehkan kita menyumbang ke arah memastikan kedaulatan dan kesejahteraan serta keselamatan negara kita sentiasa terus kukuh dan kuat. Begitupun, ingin saya tegaskan di sini bahawa sumbangan yang paling berharga dalam memastikan kedaulatan dan kesejahteraan negara ini sentiasa terjamin sebenarnya adalah "**kesetiaan**" kita kepada negara dan bangsa. Nilai kesetiaan ini bukanlah perkara yang boleh dijual beli mahupun diperdagangkan. Ia merupakan benteng paling teguh terhadap maruah bangsa dan negara kita Malaysia.

Kepada semua peserta, jadikanlah pertandingan ini bukan hanya sebagai pertandingan tetapi medan menyelami dan memahami erti kemerdekaan yang sebenar-benarnya. Semoga dengan penganjuran pertandingan ini kita akan sentiasa berusaha untuk menyatukan seluruh tenaga kita dengan segala kepakaran yang kita ada bagi memperkasakan bangsa dan membangunkan negara. Dengan segala usaha tersebut, mudah-mudahan kita akan sentiasa berupaya menikmati kemajuan dan kemakmuran yang saksama.

Akhir kata saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih Y.B. Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Kesenian, Kebudayaan Dan Warisan Malaysia serta barisan tetamu dan dif-dif kehormat kerana sudi meluangkan masa untuk menghadirkan diri. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan amatlah dihargai oleh Universiti Malaysia Perlis. Saya sudahi ucapan ini dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.